



**KENYATAAN MEDIA  
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA**

**MOTAC MENARIK BALIK SURAT SOKONGAN POTONGAN CUKAI KE  
ATAS PENAJAAN PROGRAM TEMASYA KESENIAN DAN KEBUDAYAAN  
ASIA TENGGARA DAN MENYENARAIHITAMKAN  
SYARIKAT SRIKANDI WAWASAN ENTERPRISE**

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) hari ini mengumumkan menarik balik surat sokongan serta tindakan menyenaraihitamkan syarikat Srikandi Wawasan Enterprise selama tiga tahun berikutan beberapa pelanggaran serius terhadap syarat surat sokongan tersebut dalam penganjuran program Temasya Kesenian dan Kebudayaan Asia Tenggara. Surat sokongan ini dikeluarkan bagi membolehkan penaja program layak menerima potongan cukai di bawah perenggan 34(6)(k) Akta Cukai Pendapatan sebagai insentif untuk menyokong penganjuran program seni, budaya atau warisan.

Keputusan ini dibuat selepas MOTAC menjalankan siasatan terperinci berhubung insiden yang tular pada 24 Oktober 2025 melibatkan seramai 61 pelajar sekolah dari Malaysia yang terkandas selama tiga jam di Lapangan Terbang Soekarno-Hatta, Jakarta, Indonesia di bawah pengurusan syarikat berkenaan.

Siasatan mendapati penganjur telah menukar tujuan asal program seperti yang dinyatakan dalam surat sokongan tersebut iaitu daripada persembahan kebudayaan kepada lawatan pelancongan tanpa memaklumkan MOTAC. Mereka juga gagal menyediakan penginapan, pengangkutan, makanan dan minuman serta jadual perjalanan yang jelas sehingga peserta terkandas tanpa bantuan sewajarnya menyebabkan pihak Kedutaan Besar Malaysia di Jakarta terpaksa campur tangan. Tindakan ini menunjukkan kecuaiian serius pihak syarikat dan telah melanggar SOP keselamatan serta garis panduan pengurusan program di luar negara.

Penganjur turut mengeluarkan dakwaan mengelirukan dengan menyatakan bahawa penari MOTAC terlibat dalam program tersebut sedangkan mereka merupakan penari bebas. Perbuatan ini menimbulkan salah tanggapan kepada peserta dan penaja serta bercanggah dengan prinsip integriti, ketelusan dan amanah dalam pentadbiran awam.

Liputan media di Malaysia dan Indonesia telah mengaitkan MOTAC secara tidak langsung dengan program itu. Kegagalan penganjur menjaga reputasi kementerian telah menjejaskan kredibiliti MOTAC sebagai institusi kerajaan yang profesional dan bertanggungjawab.

MOTAC sentiasa mengalu-alukan kerjasama syarikat mahupun NGO dalam memperkasa seni, budaya dan warisan negara. Namun, tindakan menarik balik surat sokongan dan menyenaraihitamkan syarikat serta pemiliknya diambil selaras dengan komitmen MOTAC memastikan integriti, ketelusan dan akauntabiliti dalam semua proses yang melibatkan sokongan dan insentif di bawah kementerian.

Sehubungan itu, mana-mana pihak adalah dilarang menggunakan atau merujuk surat sokongan tersebut bagi apa-apa urusan selepas tarikh kenyataan ini. MOTAC tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang implikasi yang timbul daripada penggunaan dokumen yang terbatal.

MOTAC komited untuk memantau dan mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana pihak yang melanggar garis panduan, syarat atau prosedur yang ditetapkan MOTAC agar tidak menjejaskan imej dan reputasi kementerian. Orang ramai digalakkan menyemak dengan MOTAC bagi program atau acara seumpama ini bagi mengelakkan insiden seperti ini tidak berlaku.

## **KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA (MOTAC)**

**9 Disember 2025**

*Dikeluarkan oleh:*

**Unit Komunikasi Korporat  
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA (MOTAC)**

*Tel: 03-8000 8000 Fax: 03-8891 7181*

*Website: [www.motac.gov.my](http://www.motac.gov.my) Email: [group.ukk@motac.gov.my](mailto:group.ukk@motac.gov.my)*

*Facebook, Instagram, X & TikTok: @mymotac*